

02 OCT 2001

Abdullah-SSB

KEPUTUSAN SSB SELEPAS KERAJAAN TELITI CADANGAN JPA

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Kedudukan Sistem Saraan Baru (SSB) akan diputuskan selepas kerajaan meneliti cadangan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dijangka dikemukakan penghujung tahun ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata ketika ini JPA dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) masih berbincang mengenainya.

Katanya kerajaan bagaimanapun tidak akan tergesa-gesa dalam membuat keputusan memandangkan ia adalah suatu yang besar dan melibatkan banyak pihak.

"Ia satu keputusan yang besar. Harap bersabar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Cuepacs ke-22 di sini hari ini.

Abdullah diminta mengulas perkembangan terkini saranan Cuepacs yang mahukan kerajaan mengkaji semula SSB kerana dianggapnya mempunyai banyak kepincangan khususnya mengenai penilaian prestasi tahunan untuk kenaikan gaji kakitangan awam.

"Tak kiralah apapun, keputusan yang kita akan buat nanti adalah bermatlamat untuk menjadikan perkhidmatan awam kita cekap dan berdaya maju, yang dapat menarik minat siapa jua untuk menyertai perkhidmatan awam," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac lepas bersetuju supaya SSB dikaji semula oleh JPA.

Terdahulu dalam ucapannya Abdullah berkata kerajaan sentiasa mendengar keluhan dan saranan yang dikemukakan Cuepacs dan juga pihak lain berhubung kebajikan kakitangan awam.

"Tetapi janganlah pula kalau kerajaan tidak dapat penuhi sesuatu saranan, jangan kata kerajaan tidak mahu dengar," katanya.

Beliau berkata di mana yang wajar, yang baik untuk rakyat dan kerajaan, segala kelemahan akan dibaiki.

Timbalan Perdana Menteri turut mengingatkan Cuepacs dan badan-badan lain yang mewakili sektor pekerja supaya membantu kerajaan menyampaikan maklumat yang tepat kepada anggotanya berhubung dasar-dasar kerajaan agar ia tidak disalah tafsir pihak yang tidak bertanggungjawab dengan tujuan mahu memecah belahkan negara ini.

Sementara itu Ketua Pengarah JPA Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri yang turut hadir berkata sehingga kini sebanyak tiga perbincangan telah diadakan antara JPA dan Cuepacs berhubung SSB.

"Kita akan terus mengadakan perbincangan dengan Cuepacs dari semasa ke semasa," katanya.

Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam ketika ditemui selepas itu berkata setakat ini Cuepacs berpuashati dengan perbincangan yang diadakan.

"Saya yakin laporan ini siap seperti yang diminta Cuepacs dan terpulang kepada kerajaan untuk menerima atau menolak sebarang cadangan," katanya.

Beliau juga yakin perubahan positif akan dibuat dalam SSB yang bertujuan menghasilkan sistem gaji yang boleh menarik lebih ramai golongan muda menyertai sektor awam.

Konvensyen tiga hari Cuepacs itu yang bermula hari ini antara lain akan memilih kepimpinan baru kongres bagi penggal 2001/2003.

-- BERNAMA

RZS NM AHH RON